



KERATAN AKHBAR

| | | | | |
|-------------|---|------------------------------|------------|------|
| AKHBAR | : | UTUSAN MALAYSIA (MEGA SAINS) | | |
| TARIKH | : | 3/5/2018 | MUKA SURAT | : 29 |
| JABATAN | : | NRE / FRIM | | |
| KLASIFIKASI | : | PERHATIAN | | |



MOHD. SHAHIDAN MOHAMAD ARSHAD (dua dari kiri) memberi penerangan kepada Ahmad Zahid Hamidi mengenai perabot yang dihasilkan menggunakan kayu bakau sambil diperhati oleh Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar (kiri) pada majlis perasmian FRIM Inc. di Kepong, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Langkah kanan FRIM Inc.

F RIM Inc. telah memulakan urusan niaga perniagaan pada awal Disember 2017 dan setakat ini, telah mengadakan jalinan kerjasama dengan lebih 10 syarikat dan agensi yang bernilai lebih RM800,000.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, **Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar** berkata, FRIM Inc. diharap akan memperkasa usaha memacu bidang penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan hasil penyelidikan dalam sektor perhutanan ke arah menjana pertumbuhan ekonomi negara.

“Kajian dokumentasi pengetahuan tradisi Tumbuhan Ubatan Orang Asli di Semenanjung Malaysia yang dilaksanakan oleh FRIM sejak Rancangan Malaysia Kesembilan menyumbang kepada formulasi akta ini serta merupakan satu inisiatif penterjemahan pengurusan sumber biologi secara lestari untuk perkongsian faedah dengan masyarakat yang terlibat,” ujarnya.

Dalam pada itu, penubuhan Hab Perabot Nasional di Lanchang, Pahang yang dikendalikan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan



PRODUK keluaran FRIM yang dipamerkan di FRIM Inc. di Kepong.

(NBOS) dengan penglibatan kementerian berkenaan dan FRIM serta merentasi semua kementerian dan agensi yang berkaitan dengan tujuan melahirkan 500 jaguh usahawan Bumiputera khususnya untuk terus berdaya saing dalam memantapkan industri perabot negara yang melebihi RM7 bilion setahun.

Kementerian serta jabatan-jabatan bawahnya termasuk FRIM akan sentiasa memainkan peranan aktif bagi memastikan pengurusan sumber asli seperti hutan, mineral dan tanah yang mapan untuk kesejahteraan

generasi akan datang.

Sebagai salah satu daripada 17 negara diversiti mega dunia, Malaysia mempunyai kekayaan dan keunikan flora dan fauna yang tinggi.

Lebih 30 peratus daripada spesies flora di Malaysia adalah endemik iaitu terhad taburannya pada sesuatu tempat dan ini merupakan 4,500 daripada 15,000 spesies flora di Malaysia.

“Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia untuk melindungi spesies ini yang sekiranya pupus di sini, akan turut pupus di dunia,” ujarnya.